

Lima paroki ziarah di Keuskupan Kota Kinabalu sepanjang 2025

KOTA KINABALU: Keuskupan Agung Kota Kinabalu (KK) akan memulakan Tahun Jubli Harapan 2025 pada Disember 29, 2024, dengan perayaan Ekaristi di Katedral Sacred Heart, pukul 5.00 petang.

Dalam makluman rasmi yang disampaikan pada Disember 4, 2024, Keuskupan Agung KK telah menetapkan lima paroki sebagai tapak ziarah iaitu Gereja St Michael Penampang; Gereja Holy Rosary, Limbahau; Gereja St Peter Kudat, Gereja St Peter Claver, Ranau dan Katedral Sacred Heart.

Di antara lima paroki ziarah itu, Katedral Sacred Heart ditetapkan untuk membuka

'Pintu Harapan' iaitu pintu masuk katedral tersebut.

Setiap paroki ziarah diberi warna mengikut warna yang ditunjukkan dalam logo rasmi Jubli Harapan 2025.

Untuk Gereja Holy Rosary, warna yang ditetapkan adalah merah, biru untuk St Michael, Penampang, kuning untuk St Peter Claver Ranau, hijau untuk St Peter, Kudat dan warna perak untuk Katedral Sacred Heart.

Setiap paroki ziarah juga akan menyampaikan salah satu dari aspek Perhimpunan Pastoral Malaysia 2026 iaitu Ekologi, Sosial, Keluarga dan Gereja.

Sebagai kandungan katekesis untuk penziarah, pusat ziarah Holy Rosary Limbahau akan menyampaikan topik "Ekologi", St Michael memberi tumpuan kepada "Sosial", St Peter Claver, Ranau berbicara tentang "Keluarga" dan Gereja St Peter, Kudat memberi tumpuan kepada isu "Gereja".

Bagi penziarah pula, mereka akan diberikan "pas ziarah" di mana mereka mendapat cop daripada setiap paroki ziarah yang dilawati.

Bagi merayakan tahun Jubli Harapan, Keuskupan Agung KK memaklumkan akan ada rantai kunci dan pelekat kereta disediakan

kan untuk penziarah.

Berikut merupakan program di paroki ziarah: berjalan kaki, para-liturgi (pentakhtaan Alkitab), sejarah ringkas paroki, katekesis berdasarkan empat isu utama: Ekologi, Gereja, Keluarga, Sosial, Perbualan Rohani berdasarkan katekesis diikuti dengan Misa. Walaupun bagaimanapun, setiap paroki ziarah bebas untuk menambah aktiviti lain yang sesuai.

Untuk maklumat lanjut dan pengaturan untuk lawatan ziarah ke Gereja yang ditetapkan, umat Katolik dinasihatkan untuk menghubungi paderi paroki masing-masing.

Sumber Catholic Sabah

Jubli Harapan: Upacara 'Recognitio' di Basilika Sto Petrus

KOTA VATICAN: Pada Disember 2 lalu, kedengaran bunyi tukul dan pahat di Basilika Sto Petrus untuk memecahkan dinding bagi mengambil kotak yang mengandungi kunci yang akan membolehkan Sri Paus Fransiskus membuka Pintu Suci dan merasmikan Jubli pada malam Disember 24 nanti.

Upacara yang dinamakan *recognitio*, meningkatkan rasa teruja menantikan pembukaan Jubli pada malam Natal.

Recognitio atau Pengiktirafan merupakan istilah Latin untuk mengesahkan bahawa Pintu Suci, yang ditutup pada penghujung Jubli terakhir, sedia untuk dibuka semula untuk Tahun Suci 2025.

Kardinal Mauro Gambetti, Paderi Agung Basilika Vatikan, memulakan upacara itu dengan doa.

Selepas berdoa, beberapa orang "sampietrini" (pekerja penyelenggaraan di Sto Petrus) membongkar dinding yang menutup Pintu Suci dari dalam Basilika dan mengeluarkan kotak logam yang disimpan di situ sejak November 20, 2016, semasa Tahun Jubli Belas Kasihan berakhir.

Di dalam kotak logam itu terdapat kunci Pintu Suci, pemegang kunci,



Kardinal Gambetti memimpin upacara *recognitio* di Basilika Sto Petrus iaitu upacara mengeluarkan kotak logam yang berisi kunci Pintu Jubli. Gambar: Media Vatikan.

cebisan dokumen *Rogito*, empat bata emas dan beberapa pingat kepausan Fransiskus, Benediktus XVI dan Yohanes Paulus II.

Upacara itu juga dihadiri oleh Uskup Agung Rino Fisichella, Pro-Prefek

Dikasteri untuk Penginjilan dan Uskup Agung Diego Ravelli, Ketua Perayaan Liturgi Kepausan.

Mereka menerima dokumen dan item daripada upacara *recognitio* dan kemudian menyerahkannya kepada Sri Paus

Fransiskus.

Upacara *recognitio* juga dilakukan di Basilika St John Lateran pada Disember 3, St Paul di Luar Tembok pada Disember 5 dan St Mary Major pada Disember 6.

Media Vatikan

Setiap kita ada panggilan kudus

Sebagai ahli kongregasi religius, *Missionary Oblates of Mary Immaculate*, saya memilih untuk membuat empat ikrar agama: kemiskinan, kesucian, ketaatan dan ketabahan.

Saya melakukan ini dengan bebas, tanpa paksaan. Ia datang daripada deria dalaman yang kuat bahawa inilah yang diminta daripada saya. Kebebasan untuk bersumpah tanpa tekanan luar, adalah “kekayaan” yang tidak dimiliki oleh berjuta-juta lelaki dan wanita. Kebanyakan mereka, mengambil ikrar yang sama (walaupun dalam cara yang berbeza) kerana mereka dipaksa oleh keadaan untuk berbuat demikian. Bagi mereka, ia adalah ikrar yang dibuat oleh orang lain untuk mereka.

William Wordsworth pernah mengungkapkannya puisi ini:

Hatiku bersyukur; Aku tidak bersumpah, tetapi berkaul.

Ia ditujukan untukku; ikatan yang tidak dapat aku hindari

Ia sesuatu yang diberikan, mengabikannya, aku berbuat dosa besar.

Pada pendapat saya, kebanyakan daripada kita, pernah mengenali orang tidak pernah melafazkan kaul agama secara formal tetapi menjalani ‘kaul’ ketaatan, membujang, kemiskinan dan ketabahan.

Sebahagian besar hidup mereka, disebabkan keadaan yang memerlukan, menyebabkan kebebasan mereka dirampas sehingga mereka tidak dapat membuat pilihan sendiri tentang ke mana hendak pergi dalam hidup, tentang peluang pendidikan, tentang tempat tinggal, tentang pekerjaan apa yang perlu ada dan masih tidak pasti sama ada hendak berkahwin atau tidak.

Mereka menghabiskan masa dewasa mereka secara tidak bebas, terikat oleh keadaan dan kewajipan, mengorbankan impian dan rancangan mereka sendiri demi berkhidmat kepada orang lain.

Ramai di antara kita juga mengenali orang yang kerana keadaan seperti kemiskinan, kematian ibu bapa, keluarga atau penyakit peribadi, telah menyebabkan mereka melafazkan kaul.

Beberapa orang abang saya termasuk



Gambar ilustrasi: Sama ada kita seorang religius atau berkahwin, ditahbis atau awam, kita dikonsekrasi untuk menjalani panggilan Tuhan.

dalam kategori itu.

Maksudnya, walaupun ikrar tersebut tidak dibuat secara eksplisit atau terbuka, ia adalah ikrar yang dikonsekrasi, kudus dalam pengertian alkitabiah.

Apakah yang dimaksudkan dengan konsekrasi? Apakah maksud penyucian? Malangnya, sehingga hari ini kita telah menjadikan perkataan ini sebagai istilah Gereja dan kita menggunakannya untuk merujuk kepada bangunan yang dikonsekrasi (Gereja), cawan yang disucikan (piala), dan orang yang ditahbiskan (para paderi dan religius yang melafazkan kaul).

Mengapa kita memanggilnya “konsekrasi”? Jawapannya terletak pada makna asal tentang apa yang dimaksudkan untuk disucikan. Dikonsekrasi bermaksud “untuk kegunaan tertentu” – namun pertamanya ia sebenarnya bukan merujuk kepada hal ehwal Gereja sahaja.

Bayangkan senario ini: Anda baharu sahaja meninggalkan pejabat dan memandu pulang ke rumah tetapi kemudian melihat kemalangan. Anda tidak mengalami kemalangan itu tetapi anda yang pertama tiba di tempat kejadian. Pada masa itu anda tidak boleh meninggalkan tempat itu begitu sahaja.

Ramai orang cedera dalam kemalangan itu dan anda berada di sana! Anda perlu bertindak balas kerana anda berada di sana. Pada saat itu, anda menjadi orang

yang ditahbiskan, dikonsekrasikan oleh keadaan dan keperluan untuk membantu mangsa kemalangan. Ketika, kata-kata Wordsworth tentang “kaul tertentu”, ditujukan untuk anda.

Kejadian ini mempunyai persamaan situasi dengan Musa ketika Tuhan memintanya untuk menjadi orang yang memimpin orang Israel keluar daripada perhambaan.

Musa tidak mahu pekerjaan itu dan dia juga tidak menawarkan diri untuk “perkerjaan” itu. Dia memberi pelbagai alasan bahawa dia bukan orang yang betul dan bertanya kepada Tuhan, “Mengapa saya? Kenapa tidak abang saya?”

Pada dasarnya, jawapan Tuhan adalah begini: “Kerana engkau telah melihat penindasan rakyat. Oleh sebab engkau telah melihatnya maka engkau sudah terikat dengan tanggungjawab itu!”

Itulah yang dimaksudkan untuk dikonsekrasi, dipanggil dan ditugaskan. Walaupun anda kekal bebas secara radikal (anda boleh memandu pergi dari kemalangan itu), tetapi anda berasa terikat, tidak dapat lari daripada tanggungjawab moral – seperti yang dikatakan Wordsworth, meninggalkan tugas itu bererti anda melakukan dosa besar.

Pilihan anda bukan sama ada untuk meninggalkan tempat itu atau untuk membantu! Sebaliknya, menjawab soalan ini: Apakah tanggungjawab saya di sini? Keadaan

telah membuatkan anda melafazkan kaul!

Bagaimana pun situasi ini boleh membantu untuk memahami panggilan, kaul dan konsekrasi.

Saya telah memilih secara bebas untuk menyahut panggilan yang meminta saya untuk komited terhadap satu set kaul secara terbuka, iaitu untuk hidup dalam kesederhanaan tertentu, untuk tidak berkahwin, melayani orang lain dan untuk bertahan dalam hal-hal itu sepanjang hayat saya.

Beberapa adik-beradik saya sendiri (dan berjuta-juta wanita dan lelaki di dunia ini) telah melakukan perkara yang sama, tanpa pengiktirafan dan sokongan komunal. Mereka menjalani kehidupan yang dikonsekrasi, walaupun tanpa pengiktirafan awam.

Dalam hal ini, saya tidak mengecualikan orang yang sudah berkahwin, namun, dalam perkahwinan, mereka juga melafazkan kaul di hadapan awam dan dengan itu menerima pengiktirafan tertentu dan sokongan komunal, meskipun panggilan berkahwin dan religius itu berbeza – tetapi kita semua berada di “tempat kemalangan”, tidak bebas untuk meninggalkan tempat kejadian, ditugaskan, terikat dengan kaul yang ditujukan untuk kita. Inilah yang dikatakan “anda dipanggil!” **Fr Ron Rolheiser @ Hakipta Terpelihara 1999-2024**

Hubungan pertaubatan dan keadilan

Dalam Injil pada Hari Minggu Adven ketiga ini, Yohanes Pembaptis memberitahu dan menyiapkan kedatangan Yesus sebagai Almasih.

Syaratnya ialah pertaubatan! Pertaubatan ialah *metanoia* atau perubahan pandangan total. Orang-orang yang mendengar Yohanes lalu bertanya-tanya, “Jika demikian, apakah yang harus kami perbuat?” Mereka bertanya-tanya bagaimana mereka harus bertaubat!

Pertaubatan sejati adalah suatu cara hidup yang sederhana. Kehidupan sederhana itu diperlihatkan melalui hidup Yohanes Pembaptis sendiri dengan hidupnya yang istimewa.

Dari apa yang dikatakan oleh Yohanes Pembaptis mahupun dari pertanyaan yang disampaikan oleh beberapa kumpulan orang baik, pemungut cukai, mahupun sebagai parajurit, ternyata pertaubatan sejati mempunyai hubungan erat dengan keadilan sosial.

Bertaubat bererti hidup dan berbuat adil. Dan hidup adil itu sebenarnya sederhana iaitu rela berbahagi dengan sesama, terutama yang berkekurangan.

Secara konkrit, apabila kita mempun-

yai kelebihan hendaknya rela untuk memberikannya kepada orang lain. Ternyata pertaubatan yang dimaksudkan oleh Yohanes bukan hanya soal batin atau rohaniah sahaja tetapi juga diungkapkan dalam perbuatan sosial kepada sesama.

Tuhan menyediakan kekayaan bumi kita ini untuk mencukupi keperluan segenap penduduknya. Namun sayangnya, masih begitu ramai dalam kalangan penduduk dunia atau bumi kita ini, walaupun pada umumnya memeluk agama atau kepercayaan, yang sangat baik dan suci ajarannya, namun pertaubatan yang harus dimiliki setiap orang itu belum merupakan kenyataan.

Orang berusaha ibaratnya bersaing mengumpulkan kekayaan pelbagai rupa seperti wang, benda-benda seperti logam, rumah, kereta, tanah, perusahaan dan banyak lagi.

Meskipun memiliki segalanya yang kita perlukan malah berlebihan, dapatkah kita berasa bahagia dan bersukacita, apabila kita melihat keadaan masih begitu ramai orang, yang semartabat dengan kita di depan Tuhan tetapi belum dapat hidup sebagai manusia secara wajar dan

keperluan hidup mereka juga tidak mencukupi?

Kita semua diciptakan menurut citra Tuhan sendiri. Citra Tuhan asli ialah Yesus Almasih kita, yang disiapkan kedatangan-Nya oleh Yohanes Pembaptis.

Dan jawapan Yohanes Pembaptis tentang persoalan yang diajukan oleh pemungut cukai mahupun tentera-tentera Romawi, dapat dilihat melalui kehidupan Yesus.

Yesus tidak memiliki rumah sendiri, Dia tidak hanya bergaul dan berkecimpung dalam kalangan orang-orang besar. Sebaliknya Dia mengunjungi orang-orang miskin, orang-orang sakit, orang-orang yang berkekurangan.

Inilah sumber kegembiraan dan sukacita Yesus yang sebenarnya iaitu bersama mereka yang sakit, serba kekurangan, bersama kanak-kanak dan mereka yang terabai.

Berbelaskasih kepada sesama khususnya kepada siapa pun yang berkekurangan, di situlah letaknya sukacita atau kegembiraan sejati.

Sukacita sejati tidak akan hilang. Biar pun mungkin kita kehilangan harta atau

**HARI MINGGU
KETIGA
ADVEN**

**ZEFANYA 3:14-18
FILIPPI 4:4-7
INJIL LUKAS 3:10-18**

ditinggalkan oleh seseorang yang kita percayai, sukacita tetap dirasakan kerana ia berasal daripada Tuhan. Sukacita daripada Tuhan tidak terbatas.

Kebahagiaan dan sukacita tidak akan berhenti dalam hidup kita kerana ia datang dari syurga.

Kesucian atau kekudusan sejati tidak mungkin dicapai tanpa pertaubatan. Tetapi pertaubatan apabila ia dilakukan kerana kepentingan diri sendiri atau kerana hanya mengikut *trend* orang sekarang, maka ia bukan pertaubatan sejati malah palsu.

Maka palsu lah juga kegembiraan dan sukacita hidupnya. Kebaikan dan amal kasih, itulah sukacita sejati yang disiapkan oleh Yohanes Pembaptis, dan menjadi kenyataan dalam hidup, kata dan perbuatan Yesus. **Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm.**

SIBU: Keuskupan Sibu menganjurkan “Pesta Muzikal Satu Suara” dengan tema, “Jiwaku Memuliakan Tuhan”.

Pesta Muzikal itu bertujuan untuk menjaga keperluan rohani koir, mewujudkan platform di mana semua umat dapat menghargai bakat pelbagai koir dan menyatukan kumpulan-kumpulan koir yang berbeza, bukan sahaja untuk mereka mengenali antara satu sama lain tetapi agar para kumpulan koir itu dapat menimba ilmu atau belajar daripada satu sama lain.

Kemuncak acara pesta ini ialah pertandingan koir muzikal antara paroki.

Selama lebih enam bulan, peserta koir memperhebatkan sesi latihan mereka.

Setiap kumpulan koir dikehendaki menyediakan dua buah lagu; lagu pertama adalah Mazmur pilihan mereka dan lagu kedua adalah gubahan asal selaras dengan tema perayaan “Jiwaku Memuliakan Tuhan”.

Pada November 15 dan 16, para koir dari sembilan paroki, berhimpun di Gereja St Anthony Sarikei untuk Pesta Koir dan Pertandingan Antara Koir.

Sembilan paroki yang meny-



Pesta Koir Keuskupan Sibu, hargai bakat koir

ertai pertandingan itu ialah dari Kapit, Kanowit, Julau, Sarikei, Bintangor, Paroki Katedral Sibu, St Mary Sibu, Selangau dan Mukah).

Kira-kira pukul 2.00 petang, Gereja St Anthony menjadi riuh dan meriah kerana keterujaan ahli-ahli koir bertemu antara satu sama lain.

Pesta muzik itu bermula pada pukul 4.00 petang dengan rekoleksi selama sejam yang

diketahui oleh Fr Joe Sebastian.

Semasa rekoleksi itu, para ahli koir mendengar katekesis yang dipetik dari tema, “Jiwaku Memuliakan Tuhan” yang mengingatkan mereka tentang keperluan untuk bertemu dengan Kristus melalui muzik.

Bahagian kedua acara itu adalah kemuncak festival iaitu malam bakat.

Dalam pertandingan kali ini, trofi Sta Cecilia, pelindung bagi

semua ahli koir, telah diperkenalkan. Pesta Koir Muzikal itu diakhiri dengan Misa penutup pada Novemer 16 yang dipimpin oleh Uskup Joseph Hii.

Dalam homilinya, Uskup Joseph Hii melahirkan rasa puas hati terhadap perjalanan Pesta Muzikal yang menurutnya bukan sahaja menjadikan Keuskupan itu bersatu tetapi turut menjadikan para peserta dapat meraikan perpaduan dalam kepelbagaian

dalam kalangan mereka.

Pada penghujung Misa, *The Choristers of St Peter & Paul's Parish* diumumkan sebagai juara, manakala *Christ the King Choir* Bintangor menduduki tempat kedua dan *St Cecelia Choir* Kanowit menduduki tempat ketiga.

Dua orang cantor terbaik dan konduktor terbaik telah dianugerahkan kepada paroki *Christ the King*, Bintangor.

Umat Katedral Hati Kudus sertai program bersih pantai



KOTA KINABALU: Seramai 60 umat dari paroki Katedral Hati Kudus, menyertai Program Pembersihan Pantai 2024 di Pantai Tanjung Lipat, Likas.

Acara itu dianjurkan oleh *Kota Kinabalu Council Churches* (KKCC) dengan tema, “Mari Mengubah Kebaikan kepada Tindakan.”

Dianggarkan lebih 540kg sampah dikutip dalam masa beberapa jam

selepas program itu.

Antara objektif program itu ialah menjaga kebersihan pantai bagi membantu melindungi ekosistem laut dan memastikan kawasan Pantai Tanjung Lipat kekal indah serta selamat untuk dinikmati oleh generasi akan datang.

Turut serta dalam program ini ialah Sr Anita James FSIC, Pengarah CARITAS Keuskupan Kota Kinabalu.

Gereja St Andrew, Muar lancar logo paroki baharu

MUAR: Sempena Pesta Sto Andreas, Rasul pada November 30 lalu, selepas Misa Kudus, Uskup Bernard Paul secara rasmi melancarkan logo paroki baharu Gereja St Andrew (SAC).

Prelatus itu melancarkan sepanduk, yang menggambarkan logo baharu dalam warna putih dan biru dengan perkataan berwarna hitam “Gereja St Andrew Muar” dalam bahasa Inggeris dan Mandarin serta tahun penubuhan. Logo paroki baharu mewakili Gereja/paroki sinodal bersatu.

Turut serta dalam pelancaran logo baharu itu ialah paderi paroki, Fr Jason Wong dan pembantunya, Fr Aaron Alammalay. Pengerusi Majlis Pastoral Paroki (MPP) James Lee turut hadir. Menurut paroki itu, mereka menerima 24 penyertaan



daripada umat untuk Pertandingan Reka Bentuk Logo SAC.

Uskup Bernard menyampaikan hadiah kepada tiga pemenang utama. Hadiah pertama dimenangi oleh Vincent Koh, yang logonya kini digunakan sebagai logo rasmi

paroki. Bagi kesemua 24 peserta, mereka turut mendapat sijil penyertaan. Pada acara yang sama, Uskup Bernard turut menyampaikan trofi kepada Kumpulan Timotius, yang telah memenangi ‘Piala St Andrew 2024’ baru-baru ini.

28 pasangan menguduskan kembali janji perkahwinan

KENINGAU: Seramai 28 pasangan telah memperbaharui janji perkahwinan mereka pada November 17 lalu di Gereja *St James The Apostle*, Bunsit.

Pembaharuan Janji Perkahwinan kali ini mensasarkan pasangan yang telah berkahwin serta diberkati Gereja lebih lima tahun.

Terlebih dahulu, para peserta mengikuti Triduum persiapan pembaharuan janji perkahwinan dan rekoleksi pada November 15.

Semasa rekoleksi, para pasangan diberikan beberapa sesi katekesis oleh Katekis Joseph Monten dan Katekis Denis Zeno.

Kemuncak bagi rekoleksi ini ialah sesi perdamaian dalam keluarga apabila setiap pasangan mengimbas semula perjalanan perkahwinan mereka dan dibimbing untuk berdamai dalam keluarga.

Dua pasangan tampil untuk memberikan perkongsian pengalaman mereka dalam menempuh cabaran perkahwinan.



Salah seorang peserta, dalam sesi perkongsian, bersyukur kerana isterinya, Emilia Eta sentiasa menunjukkan kesabaran yang mendorongnya untuk berubah dan taat kepada Tuhan.

Melalui testimoni pasangan Garmanus Jamanah@Jaminus bin Agiik dan Veronica Mailinah, mereka mengatakan hal yang remeh boleh menjadi hal besar sehingga membawa pergaduhan.

Pasangan itu mengatakan, agar rumah tangga selalu harmoni dan bijak menangani pelbagai rintangan, haruslah sentiasa berandal kepada Tuhan dan percaya akan firman-Nya.

Selepas Upacara Pembaharuan Janji Perkahwinan, Rachel Cheryll Alfred Nadus, mewakili semua pasangan, menyampaikan ucapan bahawa pasangan yang memperbaharui janji perkahwinan mereka pada kali ini bukan saja menguduskan kembali janji perkahwinan tetapi juga menyegarkan semua benih cinta kasih sesama suami isteri dan anak-anak mereka.

Fr Appolonius Yakis yang memimpin Misa Kudus, berpesan kepada para pasangan agar berusaha untuk memperbaharui janji perkahwinan setiap tahun dan menyeru agar lebih ramai pasangan untuk memperbaharui janji perkahwinan di masa akan datang. **Veron**

Sahabat kecil Yesus

Warnakan gambar di bawah dan isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.



Sesiapa mempunyai helai baju,
hendaklah dia dengan
yang tidak punya, dan sesiapa
mempunyai, hendaklah dia
juga demikian.

Jangan lebih banyak dari
pada yang telah bagimu.

Jangan dan jangan
dan cukupkanlah dirimu dengan
gajimu.

(Lukas 3: 10-14)

membaginya dua berbuat
makanan merampas memeras
ditentukan menagih

Hello adik-adik,

Apa khabar? Minggu ini, kita memasuki Hari Minggu Ketiga Adven.

Dalam pembacaan Injil, kita mendengar Yohanes Pembaptis memberikan beberapa pedoman untuk mengubah diri kita menjadi lebih baik.

Salah satu daripada nasihat itu ialah berbahagi dengan kaum miskin.

Yohanes menggalakkan kita, jika kita mempunyai banyak makanan dan pakaian, hendaklah kita berkongsi dengan yang memerlukan.

Tahukah adik-adik bahawa Yesus juga melakukan hal yang sama?

Adik-adik pasti tahu bahawa Yesus tidak bergaul dengan orang-orang kaya dan berkuasa sahaja.


Dia selalu dalam kalangan kaum miskin, sakit, orang-orang yang terabai dan para balu.

Oleh sebab itu, marilah kita melakukan sama seperti Yesus kerana ia adalah baik dan menggembirakan.

Salam Sayang
Auntie Melly

Kisah tembok Yeriko runtuh mengingatkan kita bahawa Tuhan dapat melakukan perkara-perkara yang mustahil di mata manusia.

Dalam gambar di bawah, cari benda-benda tersembunyi:
kek, buku, bola ragbi, ikan, magnet, bulan, jarum dan benang,
lencana polis, siput babi, sudu, bintang dan stokin.



SA _ _ _ ESIA _
1 2 3 4

Siapakah yang dinantikan oleh Yohanes Pembaptis? Isikan huruf pada soalan di atas untuk mendapatkan jawabannya.

BELIA

K.A.M.I 2024: Bersukacita dalam Pengharapan

KUALA LUMPUR: Sempena Hari Belia Sedunia 2024, Pesta K.A.M.I (Kerana Tuhan Mengasihi) Hari Belia Keuskupan Agung Kuala Lumpur telah diadakan pada November 16, 2024 di *Roof-top @ Constantini Community Centre*, Gereja St Ignatius, Petaling Jaya dari pukul 1.00 petang hingga 9.00 malam.

Acara ini menghimpunkan kira-kira 250 belia yang membawa tema, “Orang yang berharap kepada Tuhan akan berjalan dan tidak letih” (Yes 40:31).

Program ini dianjurkan oleh ASAYO bersama sukarelawan muda yang komited di bawah bimbingan pengarahnya, Fr Simon Lau dan Fr Michel Dass.

Selepas pendaftaran dan puji sembah, Fr Michel Dass berkongsi tentang Harapan dengan menyampaikan renungan pesan Sri Paus Fransiskus untuk Hari Belia Sedunia ke-39.

Tumpuan utama Pesta K.A.M.I tahun ini adalah merayakan pertemuan bermakna antara satu sama lain dalam iman, cinta dan HARAPAN. Melalui Ruang *Insightful Vibes*, para peserta dapat mengenali pelbagai jenis panggilan religius, kongregasi tempatan dan misionari. Kehadiran perwakilan daripada pelbagai kongregasi religius memberi peluang kepada para peserta untuk berinteraksi dan bertanya soalan.

Selain itu, para peserta dihiburkan dengan permainan dan aktiviti sambil menghayati panggilan hidup mereka. Selain permainan tradisional atau zaman kanak-kanak misalnya Congkak, *Snake & Ladder*, mereka juga berkesempatan



mencuba seni pasir atau seni inai melalui di ruang Insight Oasis.

Acara diteruskan dengan testimoni daripada peserta Hari Belia Sedunia (WYD) Lisbon 2023, doa bersama serta menyanyikan lagu-lagu pujian. Para peserta juga diberi taklimat tentang Hari Belia Katolik Malaysia (MCYD) yang akan berlangsung pada Mac 31, 2025 hingga April 6, 2025 di Keuskupan Agung Kota Kinabalu. Mereka yang berminat diminta untuk berhubung segera Pejabat Belia Keuskupan masing-masing untuk mendaftar.

Rachel Patrick dari Gereja St Ignatius, Petaling Jaya berkongsi, “Harapan” merupakan tema utama Pesta K.A.M.I tahun ini.

“Pesan ini sangat penting bagi para belia yang mengalami fasa pembesaran, perubahan dan peralihan. Saya suka bahawa

pesan Harapan yang tidak menyembunyikan realiti sebenar.

Fr Michel Dass contohnya berkongsi kepentingan menerima cabaran hidup dengan sikap, “Apakah pengajaran yang boleh saya ambil daripada cabaran ini dalam hidup saya?” Saya gembira mengetahui bahawa harapan saya terletak pada Tuhan. Para belia sekalian, tahun ini marilah kita menghayati erti Harapan yang sebenar; satu tindakan berani, iman dan cita-cita!”

“Pesta K.A.M.I. adalah sambutan Hari Belia Sedunia Keuskupan Agung Kuala Lumpur yang pertama bagi saya. Perhimpunan yang luar biasa ini meningkatkan keterujaan saya untuk Hari Belia Katolik Malaysia (MCYD) tahun depan di Sabah! Saya tidak sabar untuk melihat apa yang menanti kita di sana,” kata Aganta Miriam Francis, CTL.

Hari Belia Katolik Malaysia (MCYD) 2025

Hari Belia Katolik Malaysia (MCYD) 2025 ialah perhimpunan kebangsaan pertama umat Katolik Malaysia yang pertama, diwujudkan untuk mendengar suara golongan muda dan melihat keperluan mereka sebagai umat Tuhan zaman NOW. Melalui perhimpunan ini, golongan muda berusaha untuk berjalan dalam perhubungan dengan Gereja Katolik Malaysia yang lebih besar dalam perjalanannya menuju Perhimpunan Pastoral Malaysia (MPC) 2026. MCYD dianjurkan oleh Malaysian Catholic Youth Ministers' Committee (MCYMC).

Misa Pelajar di Oratory St Teresa, Sibu



SIBU: Pada minggu terakhir tahun liturgi, Kristus Raja dengan lebih daripada 170 pelajar, guru dan Pengetua Sekolah Rendah Inggeris Hua Hin, bersama-sama komuniti *Neocatechumenal Way*, merayakan Misa di St Teresa Oratory.

St Teresa Oratory merupakan nama yang diberikan oleh Uskup Sibu, Joseph Hii baru-baru ini, untuk menggantikan nama Gereja lama St Teresa dan juga untuk mengelakkan kekeliruan dengan Gereja St Teresa, yang terletak kira-kira 300m dari Oratory.

Uskup Joseph Hii menjelaskan bahawa “Oratorium ialah tempat kecil untuk berdoa dan menyembah, didedikasikan untuk

komuniti kecil.”

Oratorium itu dijaga oleh komuniti *Neocatechumenal Way* dengan penasihat rohaninya, Fr Edward Raymond yang tinggal di rumah paderi di sebelah Oratory. Ia juga terletak bersebelahan dengan tadika dan Sekolah Rendah Inggeris Hua Hin.

Terdapat Misa harian di St Teresa Oratory pada pukul 7.00 pagi, dari Isnin hingga Jumaat. Komuniti *Neocatechumenal Way* berkumpul di Oratory setiap minggu, untuk mengadakan perayaan Firman, setiap petang Selasa dan Rabu.

Umat tempatan juga merayakan Misa Senja setiap hari Sabtu di sini.

Berita ringkas Gereja sejagat

Perang itu jahat!

VATIKAN: Semasa Audiensi Umum pertamanya untuk musim Adven 2024, Bapa Suci Fransiskus sekali lagi menekankan keperluan untuk berdoa bagi keamanan.

"Perang adalah kekalahan manusia. Perang tidak menyelesaikan masalah," tegas Bapa Suci.

Di tengah-tengah konflik yang berterusan di seluruh dunia, Sri Paus Fransiskus secara khusus berdoa untuk "Ukraine yang martir, Palestine, Israel, dan Myanmar."

"Perang itu jahat; perang



memusnahkan," ujar Sri Paus Fransiskus yang kesal kerana setiap peperangan, ribuan nyawa orang tidak bersalah, telah terbunuh.

Media Vatikan

Serangan di Aleppo, biara Fransiskan hampir hancur

ALEPPO, Syria: Kota Aleppo telah diserang dahsyat pada Disember 1 lalu. Turut terkena tembakan ialah biara Tanah Suci Latin di kawasan kejiranan Al-Furqan.

Walaupun tiada kemalangan jiwa, serangan itu menyebabkan kerosakan besar pada bangunan.

Kongregasi Fransiskus mengatakan bahawa serangan peluru berpandu dari pesawat pejuang mengenai biara itu, memusnah-

kan salah satu sayapnya dan membakar bilik penyimpanannya.

Bahagian lain, seperti pusat sukan dan Gereja kecil, juga mengalami kerosakan yang ketara.

Para klerus Fransiskan menegaskan mereka menolak sebarang bentuk keganasan, menekankan misi mereka untuk memperjuangkan keamanan di mana sahaja mereka dihantar oleh Tuhan.

Media Vatikan

Pameran relik Sto Fransiskus Xavier kali ke-18 di Goa



Relik Sto Fransiskus Xavier di dalam peti mayat kaca di dalam Basilika Bom Jesus, di Goa lama, kira-kira 615km dari Bombay. Dilaporkan, semasa pameran umum kali pertama relik Sto Fransiskus Xavier di Goa, seorang wanita pendevisi taat Sto Fransiskus Xavier, pernah menggigit ibu jari kaki Santo itu. Gambar: LiCASNews

GOA, India: Pameran Ke-18, Relik Sto Fransiskus Xavier (1506-1552) telah diadakan di sebuah basilika di Goa sejak November 21 sehingga Januari 5, 2025.

Ribuan penziarah dari India dan luar negara datang untuk menghormati relik santo yang dipamerkan sekali setiap sepuluh tahun.

Relik itu ditempatkan di Basilika Bom Jesus, telah dipindahkan ke Katedral Goa untuk pameran umum sehingga Januari 2025.

Pada Disember 3 lalu, ratusan ribu membanjiri Goa sempena Misa Kudus memperingati pemergian ke-450 Sto Fransiskus Xavier, salah seorang pendiri kongregasi Yesuit. **LiCASNews**

Pemimpin Katolik, Buddha berhimpun mendoakan jiwa Kardinal Ayuso



BANGKOK: Kardinal Miguel Ángel Ayuso Guixot, Ketua Dikasteri untuk Dialog Antara Agama, telah diberi penghormatan pada Disember 1, di Wat Phra Chetuphon Wimonmangkhararm Ratchaworamahawihan, salah sebuah kuil Buddha yang paling terkenal di Bangkok (juga dikenali di seluruh dunia sebagai Kuil Buddha Berbaring).

Kardinal Ayuso yang meninggal dunia pada November 25 lalu, diperingati dalam upacara yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Upacara itu memperlihatkan

ikatan yang mendalam antara komuniti Katolik dan Buddha di Thailand, hubungan yang diperkukuh oleh dedikasi tanpa henti Kardinal Ayuso demi memupuk persefahaman antara agama.

Ketua Sami Buddha, Wat Phra Chetuphon, mengetuai upacara itu dengan sepuluh sami Buddha melantunkan doa jiwa Kardinal Ayuso.

Selepas itu, Uskup Joseph Chusak Sirisut, Presiden Konferensi para Uskup Katolik Thailand, mengetuai liturgi Katolik untuk mendoakan roh Kardinal Ayuso. **LiCASNews**

Natal di Yerusalem, dirai dalam solidariti dengan mangsa perang

GAZA: Menjelang Natal, tiada tanda-tanda gencatan senjata di Gaza. Patriark dan Ketua Gereja di Yerusalem menyeru komuniti mereka untuk merayakan Natal dengan sederhana sambil menghormati kesusahan yang ditanggung oleh penduduk Gaza di tengah-tengah perang yang berterusan.

Pada tahun 2023, para pemimpin Gereja membuat keputusan bersama untuk meminta penganut Kristian di Tanah Suci agar tidak mempamerkan hiasan dan lampu Krismas di tempat awam sebagai satu cara untuk bersolidariti dengan orang ramai yang menderita akibat perang antara Hamas dan Israel.

Bagaimanapun, dalam kenyataan para pemimpin Gereja Yerusalem baru-baru ini, pengumuman pada tahun lalu menyebabkan ramai berfikir bahawa perayaan Krismas di Tanah Suci telah dibatalkan.

Ini juga menyebabkan pesan penting Natal iaitu kelahiran Sang Juruselamat kurang dihayati dalam kalangan penganut Kristian tempatan.

Oleh sebab itu, Natal pada tahun ini, para pemimpin Gereja Yerusalem menggalakkan umat beriman "untuk memperingati sepenuhnya kelahiran Kristus dengan memberikan tanda-tanda umum tentang harapan Kristian."

Pada masa yang sama, para pemimpin Gereja Yerusalem juga menyeru mereka agar merayakan Natal "dengan prihatin serta sensitif terhadap kesusahan teruk yang terus ditanggung oleh berjuta-juta orang di rantau kita."



Meraikan Natal dalam solidariti dengan mereka yang menderita perang di Tanah Suci ialah dengan cara "terus mendoakan mangsa peperangan, menjangkau mereka dengan perbuatan baik dan amal, serta menyambut mereka sebagaimana Kristus sendiri telah menyambut setiap kita."

"Dengan cara ini, kita akan mengulangi kisah Natal itu sendiri, di mana malaikat mengumumkan berita baik kelahiran Kristus kepada para gembala di tengah-tengah kekelaman malam, menawarkan mereka yang menderita dan seluruh dunia pada hari ini, pesan pengharapan Ilahi dan kedamaian."

Presiden Pihak Berkuasa

Palestine, Mahmoud Abbas juga menggesa penganut Kristian agar merayakan Natal di Tanah Suci dengan sederhana memandangkan kesusahan rakyat Palestine. Beliau berkata demikian semasa mesyuarat dengan Penjaga Tanah Suci, Fr Francesco Patton dan pembantunya, Fr Ibrahim Faltas. Kedua-dua pemimpin Katolik itu turut menjemput Presiden Palestine itu untuk menghadiri Misa Malam Krismas pada Disember 24, 2024 di Gereja St Catherine di Bethlehem. Pada pertemuan itu, Presiden Palestine menyampaikan ucapan Krismas kepada penganut Kristian Palestine dan mengulangi harapannya untuk keamanan.

Media Vatikan


Mukjizat kedua disahkan, Beato Pier bakal dikanonisasi Ogos 3, 2025

VATIKAN: Pada akhir pertemuan dengan Sri Paus Fransiskus pada November 25 lalu, Ketua Dikasteri untuk Urusan Orang Kudus, Kardinal Marcello Semeraro, menandatangani sebuah dekri pengakuan mukjizat dengan perantaraan Sto Pier Giorgio Frassati (1901-1925), yang akan dikanonisasi pada Ogos 3, 2025.

Pendaki Gunung

Sto Pier Giorgio Frassati adalah seorang pemuda dari Turin, Itali.

Sebagai pendaki gunung yang bersemangat, dia mengabdikan hidupnya yang singkat untuk melayani kaum miskin. Ia menentang gerakan fasis yang



berkembang di Itali, memulakan "Tipi Loschi," komuniti humor yang terdiri daripada teman-teman dekatnya, namun memiliki dimensi spiritual dan sosial. Pier meninggal pada usia 24

tahun kerana polio. Sejak itu, dia menjadi figura inspirasi bagi kaum muda Katolik.

"Pier Giorgio berasal dari keluarga kaya, ayahnya Alfredo Frassati, adalah seorang ahli politik dan direktur akhbar harian Itali *La Stampa* tetapi Pier tidak tumbuh dalam 'kemewahan'."

"Pier tidak sombong dalam 'kehidupan mewah' kerana dia membuka hatinya untuk Roh Kudus. Hatinya tebal dengan cinta untuk Yesus dan mereka yang memerlukan," kata Sri Paus Fransiskus.

Salah seorang lagi belia yang bakal dikanonisasi pada bulan April tahun Jubli 2025 ialah Beato Carlo Acutis. **CNA**

AUDIENSI UMUM MINGGUAN SRI PAUS FRANSISKUS

Khutbah jangan lebih 10 minit!

VATIKAN: “Semua aktiviti penginjilan bergantung pada Roh Kudus. Penginjilan tidak bergantung pada inisiatif pastoral yang dipromosikan oleh kita,” kata Sri Paus Fransiskus semasa audiensi umum minggunya pada Disember 4 lalu.

Meneruskan siri katekesisnya mengenai “Roh Kudus dan Mempelai Perempuan”, Bapa Suci bercakap tentang penginjilan dan peranan berkhotbah dalam Gereja Katolik.

Prelatus itu menekankan kepentingan doa dan menegaskan bahawa semua orang Kristian harus meminta syafaat Tuhan dalam kerja penginjilan kerana semua usaha penginjilan kita tidak bergantung kepada tenaga kita sebaliknya pada kedatangan Roh Kudus.”

“Roh Kudus datang kepada mereka yang berdoa kerana ada tertulis Bapa syurgawi akan memberikan Roh Kudus kepada mereka yang meminta kepada-Nya (Luk 11:13),” kata Bapa Suci kepada para penziarah di Dataran Sto Petrus.

“Lebih-lebih lagi jika kita meminta-Nya untukewartakan Injil Putera-Nya!” Uskup Roma itu merujuk teladan Yesus semasa permulaan pelayanan umum-Nya.

“Kita perlu untuk meniru teladan dan doa Yesus yang berkata, “Roh Tuhan ada pada-Ku kerana Dia telah mengurapi Aku untuk menyampaikan khabar gembira kepada orang miskin” (Luk 4:18).



Sri Paus Fransiskus bertemu dengan dua orang penziarah semasa audiensi umum minggunya pada Disember 4, 2024. Gambar: Media Vatikan.

“Berkhotbah dengan bimbingan Roh Kudus bermakna menyampaikan, bersama dengan idea dan doktrin, kehidupan, dan keyakinan iman kita.”

Sri Paus menekankan keperluan untuk mengutamakan doa daripada “kata-kata hikmat yang meyakinkan.” Bapa Suci juga mengingatkan para hadirin agar berhati-hati terhadap keinginan untuk “mengkhutbahkan diri kita sendiri.”

“Kita harus berkhotbah tentang Yesus Kristus. Berkhotbah melalui ilham Roh Kudus bermakna kita tidak berdakwah tentang diri sendiri dan mengelakkan untuk mengaitkan nama kita dengan inisiatif pastoral yang dipromosikan oleh kita,” ujar Sri Paus.

Khutbah jangan melebihi 10 minit!

Sri Paus Fransiskus juga berpesan kepada para pengkhutbah agar berkhotbah “tidak melebihi 10 minit” kerana pendengar boleh hilang minat untuk mendengar.

“Pengkhutbah harus menyampaikan idea, perasaan dan seruan untuk bertindak tidak melebihi 10 minit. Biasanya, selepas lapan minit, pendengar mulai hilang fokus,” kata Bapa Suci yang disambut dengan tepukan daripada beberapa orang penziarah.

Bapa Suci mengakhiri katekesisnya dengan berkat Adven.

Prelatus itu juga meminta para hadirin untuk berdoa bagi rakyat Ukraine, Palestine, Israel dan para mangsa peperangan. CNA

PENULIS BERKICAU

Harapan

Semua orang tahu apa ertinya berharap. Dalam Shati setiap orang, kita selalu berharap hal-hal baik untuk masa depan.

Sebagai penziarah di bumi ini, kita sering dilanda kebimbangan dan ketakutan. Kita baharu sahaja melalui musim pandemik yang meragut ramai nyawa.

Tidak kira miskin atau kaya, berpangkat atau warga sivil biasa, kita selalu dikunjungi perasaan atau semangat putus asa, pesimis dan sinis terhadap masa depan, seolah-olah tidak ada yang dapat membawa kebahagiaan.

Santo Paulus adalah seorang yang realistik. Dia tahu bahawa hidup mempunyai suka dan duka, bahawa cinta kita selalu diuji dan harapan boleh pupus semasa menghadapi pengharapan.

Namun, dia menulis, “Kita malah bermegah juga dalam kesengsaraan kita, kerana kita tahu, bahawa kesengsaraan itu menimbulkan ketekunan, dan ketekunan menimbulkan tahan uji dan tahan uji menimbulkan pengharapan.” (Roma 5:3-4).

Bagi Rasul Paulus, ujian dan kesengsaraan mewarnai kehidupan mereka yangewartakan Injil di tengah-tengah ketidakfahaman dan penganiayaan (lih. 2Kor 6:3-10).

Saya teringat sebuah video singkat yang ditayangkan semasa Perhimpunan Regional Semenanjung Malaysia pada bulan Ogos lalu.

Video itu memaparkan tiga batang lilin yang bersinar dalam kegelapan. Lilin-lilin itu ialah lilin iman, cinta dan harapan.

Lilin iman dan cinta terpadam akibat godaan dunia. Namun, lilin harapan memberikan apinya untuk menyalakan lilin iman dan cinta agar terus bersinar dunia yang gelap.

Sebagai Katolik, harapan dalam Kristus tidak menipu atau mengecewakan kerana pengharapan itu berdasarkan kepada realiti bahawa tidak ada sesuatu pun atau seorang pun yang dapat memisahkan kita dari kasih Tuhan.

“Siapakah yang akan memisahkan kita dari kasih Kristus? Penindasan atau kesesakan atau penganiayaan, atau kelaparan atau ketelanjangan, atau bahaya, atau pedang? Tetapi dalam semuanya itu kita lebih dari pada orang-orang yang menang, oleh Dia yang telah mengasihi kita.

Sebab aku yakin, bahwa baik maut, mahupun hidup, baik malaikat-malaikat, mahupun pemerintah-pemerintah, baik yang ada sekarang, mahupun yang akan datang, atau kuasa-kuasa, baik yang di atas, mahupun yang di bawah, ataupun sesuatu makhluk lain, tidak akan dapat memisahkan kita dari kasih Tuhan, yang ada dalam Kristus Yesus, Tuhan kita.” (Rom 8:35-37-39).

Di sini kita melihat alasan mengapa harapan ini bertahan di tengah-tengah pencubaan: dipupuk oleh amal kasih, harapan ini memampukan kita untuk terus maju dalam kehidupan.

Bagi yang tidak dapat mengunjungi Kota Rasul Petrus dan Paulus, mari merayakannya di Gereja tempatan kita.

Semoga Tahun Jubli yang akan bermula beberapa hari ini, menjadi momen perjumpaan peribadi yang sejati dengan Tuhan Yesus, “pintu” (Yoh 10:7.9) keselamatan kita, yang selalu diwartakan oleh Gereja, di mana saja dan kepada semua orang sebagai “pengharapan kita” (1 Tim 1:1).

MARI dan jadilah
komuniti pemberita HERALD.
Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau

WhatsApp: 011-26391498



Ilusi ciptaan media sosial yang tidak kita sedari



Adakah doa dan ibadat kita tidak terganggu dengan aliran pemberitahuan dan kandungan yang tidak berkesudahan? Apabila media sosial menuntut lebih banyak masa dan perhatian kita, ibadat kita boleh menjadi di tempat terakhir.

Mazmur 46:10 menyatakan, “Diamlah dan ketahuilah, bahawa Akulah Tuhan! Aku ditinggikan di antara bangsa-bangsa, ditinggikan di bumi!” Ayat ini menyeru kita untuk memperlakukan dan mengutamakan saat-saat hening. Kebisingan media sosial tanpa henti boleh menenggelamkan suara Tuhan.

Oleh sebab itu, bagi memupuk hubungan yang lebih kukuh dengan-Nya, kita perlu sengaja memutuskan hubungan daripada gangguan digital.

Tanpa disedari, media sosial boleh membantu orang ramai berhubung dan membina komuniti, tetapi hubungan dalam talian selalunya tidak mempunyai kedalaman dan keaslian yang sama seperti

interaksi bersemuka.

Media sosial cenderung untuk memamerkan gulungan filem dan sedutan video kehidupan orang ramai yang tidak realistik.

Realiti palsu ini boleh menjejaskan perjalanan rohani kita, membuatkan kita berasa seperti kita tidak cukup baik, tidak berpuas hati dengan kehidupan kita sendiri dan tidak dapat berhubung dengan Tuhan dan orang lain.

Media sosial boleh mencipta ilusi bahawa pertumbuhan rohani terikat dengan bilangan “like”, “share” atau komen pada siaran. Ini kelihatan menggalakkan tetapi keroohanian sejati berakar daripada hubungan peribadi yang mendalam dengan Tuhan — bukan berdasarkan bilangan “like” dan “share”.

Budaya “like”, “share” dan komen di media sosial boleh membawa kepada keperluan yang tidak sihat untuk mendapat kelulusan orang lain. Ini boleh men-

galihkan tumpuan kita daripada mencari nilai tertinggi dan pengesahan kita dalam Kristus. Ingat kata-kata Paulus dalam Galatia 1:10: “Jadi bagaimana sekarang: adakah aku mencari kesukaan manusia atau kesukaan Tuhan? Adakah aku cuba berkenan kepada manusia? maka aku bukanlah hamba Kristus.”

Banyak kajian telah mendapati penggunaan media sosial yang berlebihan membawa pelbagai cabaran kesihatan mental, termasuk peningkatan kadar kemurungan, kebimbangan dan keyakinan diri yang rendah.

Perbandingan yang berterusan dengan orang lain, ketakutan untuk terlepas peluang dan tekanan untuk mempersembahkan versi diri yang ideal boleh menjejaskan kesejahteraan emosi dan psikologi kita.

Salah satu cara paling licik di mana media sosial boleh merosakkan pertumbuhan iman kita adalah dengan membuat kita membandingkan diri kita dengan orang lain.

Apabila kita terus melihat pencapaian dan berkat orang lain, kita mungkin mula berasa seperti kita tidak cukup baik. Kita boleh lupa akan perkara-perkara baik yang Tuhan telah berikan kepada kita. Ini boleh menggoyahkan kepercayaan kita terhadap rancangan dan masa Tuhan yang sempurna.

Artikel ini bukan bertujuan untuk mengarahkan anda berhenti menggunakan media sosial. Tetapi ia ajakan untuk merenung, bagaimana media sosial telah mengubah pertumbuhan rohani kita.

“Janganlah kamu menjadi serupa dengan dunia ini, tetapi berubahlah oleh pembaharuan budimu, sehingga kamu dapat membedakan manakah kehendak Tuhan: apa yang baik, yang berkenan kepada Tuhan dan yang sempurna” (Roma 12:2). Aletea

Menyalakan cahaya rohani kaum muda

PLENTONG: Pada November 23, Keuskupan Melaka Johor (MJD) telah mengadakan Hari Belia Sedunia peringkat Keuskupan di Pusat Majodi, Plentong.

Seramai 680 orang muda, terdiri daripada remaja, mahasiswa pelajar kampus dan beliawanis daripada empat kumpulan bahasa utama iaitu bahasa Inggeris, bahasa Malaysia, Tamil dan Mandarin telah mengambil bahagian dalam acara meriah bertema, “Mereka yang berharap kepada Tuhan akan berlari dan tidak lesu” (Yes 40:31).

Acara sehari ini dimulakan dengan Misa pembukaan yang dipimpin oleh Uskup Bernard Paul.

Prelatus itu menyeru golongan muda untuk tidak menjadi “pelancong” sebaliknya menjadi penziarah harapan, berjalan bersama Tuhan, memberi perhatian kepada karya-karya amal serta kebaikan dalam kalangan belia.

Misa diakhiri dengan pengutusan Majlis Orang Muda Keuskupan Melaka Johor (MJDYPC) yang merupakan pemimpin muda dari paroki yang bernaung di bawah MJD. Mereka merupakan pasukan utama yang bersatu hati, mengatur, merancang dan melaksanakan acara tersebut.

Selepas pengutusan, peserta menyertai sesi mengenai tema WYD. Dalam sesi itu, para peserta mengimbas kembali homili yang disampaikan semasa Misa dan merenung soalan, “Bagaimanakah saya boleh menjadi tanda harapan kepada orang lain?” Kemudian, dengan menggunakan kaedah “Perbualan dalam Roh”, mereka berkongsi dalam kumpulan.

Ini diikuti dengan pameran reruai pelbagai pelayanan keuskupan seperti Kerasulan Kehidupan Keluarga, Pelayanan Kaunseling, Caritas Malaysia, Ministri Panggilan, Pusat Belia Montfort serta Pelayanan Keadilan Penciptaan.



lan Penciptaan.

Reruai ini membolehkan para peserta dapat mengetahui lebih lanjut mengenai pelayanan lain di keuskupan dan bagaimana mereka boleh terlibat.

Pada masa yang sama, diadakan pujian dan penyembahan dalam pelbagai bahasa di dewan utama dan permainan diadakan di kawasan lain di Pusat Majodi.

Kesemua 680 peserta berkumpul semula di dewan utama untuk meraikan konsert MJDYPD di mana semua orang muda memuji dan menyembah Tuhan sebagai sebuah keluarga komuniti Katolik yang besar.

Acara diakhiri dengan lagu aksi, sorakan kumpulan “MJDYPD!” dan berkat diberikan oleh ketua bersama kerasulan belia keuskupan (MJDYPN), Fr Alexuchelvam.

KEMBARA III, menghapus prejudis terhadap kaum migran

BUNDU TUHAN, Sabah: “Prasangka terhadap pendatang dalam diri saya sangat tebal sebelum saya menyertai program ini. Entah bagaimana saya terdorong untuk melayani dalam komiti ini.

“Tetapi sekarang, saya boleh mengatakan bahawa perasaan negatif saya terhadap komuniti migran semakin berkurangan. Program ini membantu saya untuk menerima mereka kerana mereka juga dicipta oleh Tuhan dan bermartabat sama seperti kita,” demikian antara laporan semasa penggulungan Perbualan Rohani program KEMBARA III, pada November 22-24 lalu di Pusat Retret Bundu Tuhan.

Hasil seperti itulah yang sangat diingini daripada program pembentukan yang dianjurkan oleh Komisi Pelayanan Migran dan Orang yang Berpindah Randah Keuskupan Agung Kota Kinabalu (ACMI).

KEMBARA III mengambil tema Hari Minggu Migran, “Tuhan berjalan bersama



umat-Nya”, menghimpunkan 68 peserta dari paroki di bawah naungan Keuskupan Agung Kota Kinabalu, yang terlibat dalam pelayanan pastoral migran paroki.

Program bermula pada petang November 22 dengan Misa yang dipimpin oleh Fr Ambrose Atang, Penasihat Rohani bagi ACMI.

Uskup Agung John Wong turut mengirinkan pesan melalui klip video untuk menyampaikan kata-kata semangat kepada

para peserta. Ini diikuti dengan pengenalan dan orientasi program. Pada keesokan harinya, program memfokuskan pada Perbualan Roh dalam kumpulan. Sebelum itu, Fr Ambrose menyampaikan sesi “Tuhan berjalan bersama umat-Nya” dan Sdra Dominic Lim, Ko-ordinator ACMI KK, menyampaikan dokumen Sri Paus Fransiskus, “*Fratelli Tutti*”.

Dalam Perbualan Roh yang diperkenalkan buat pertama kali dalam program KEM-

BARA, beberapa peserta mendapati sesi tersebut telah membantu mereka untuk lebih menghargai pelayanan yang melibatkan kaum migran.

Para peserta juga merasakan bahawa sudah tiba masanya untuk mempromosi pelayanan pastoral komiti migran ini kepada orang ramai bagi menghapus prasangka dan membantu golongan migran.

Pada hari terakhir KEMBARA III, para peserta diberikan maklumat daripada tiga panel penceramah,

Sr Imelda dari Sister Gembala Baik yang menjelaskan tentang *Migrant Desk*, Sr Anita James, Pengarah CARITAS Kota Kinabalu yang berkongsi tentang misi CARITAS, dan Peter Zeter, Naib Pengerusi Komisi Episkopal untuk Pelayanan Pastoral Migran dan Orang yang Berpindah Randah, Malaysia, Singapura dan Brunei (ECMI), berbicara tentang “*networking*”. KEMBARA III diakhiri dengan sesi Soal Jawab.

Dataran Sto Pio dikunjungi penziarah harapan empat penjuru

KINUTA, Papar: Ziarah Pengharapan empat penjuru yang melibatkan paroki Limbahau dan Papar telah dijalankan pada Disember 14, 2024.

Sebelum itu, para penziarah terlebih dahulu menyertai Praziarah Pengharapan pada

November 30, 2024 yang disertai lebih 300 umat.

Tujuan Praziarah itu adalah sebagai latihan dan persiapan menghadapi Ziarah Empat Penjuru pada Disember 14, 2024 dan sebagai persediaan untuk menjalani Tahun Jubli

Harapan 2025.

Perjalanan empat penjuru ini bermula dari empat lokasi berbeza iaitu Gereja kecil St Sabina, Kg Titimounon, Gereja St Damian Kg Dambai, Gereja Holy Rosary Limbahau dan Gereja St Joseph, Papar.

Semua perjalanan ini berakhir di Dataran Sto Pio yang terletak di perkarangan Gereja St Patrick, Kinuta.

Bagi penziarah dari Gereja St Joseph, mereka menaiki bot menuju ke Dataran Sto Pio manakala penziarah yang berhimpun di tiga ‘penjuru’ berjalan kaki menuju Dataran Sto Pio.

Setelah tiba di Dataran Sto Pio, para penziarah merayakan Misa Kudus yang dipimpin oleh Msgr Nicholas bersama Fr Joshua Liew. Shrine Sto Pio telah diberkati oleh Msgr Nicholas pada bulan Ogos 4, 2024 lalu.

Msgr Nicholas Stephen, semasa menyampaikan homilinya berkongsi akan pengala-

mannya semasa menyertai perjalanan ziarah dengan menaiki bot.

Katanya, begitu banyak tempat yang indah, tetapi St Patrick Kinuta telah dipilih oleh para misionari awal untuk dijadikan Mision Katolik.

St Patrick Kinuta, merupakan antara mision terawal didatangi para misionari untuk menyebarkan Khabar Gembira, lebih 150 tahun yang lalu.

Oleh sebab itu, Msgr Nicholas mengajak para hadirin untuk terus bersyukur dan menjadi penerus misi Kristus untuk menyebarkan Khabar Gembira.

Sebelum mengakhiri homilinya, Msgr Nicholas menyatakan, “Jika anda mengalami pelbagai cabaran dan masalah, ingatlah bahawa Tuhan itu hadir.

Dan pengharapan tidak mengecewakan, kerana kasih Tuhan telah dicurahkan di dalam hati kita dan oleh Roh Kudus ” (Roma 5:5).

Liza Magnus



Para penziarah dari ‘penjuru’ St Joseph, Papar, menaiki bot menuju Dataran Sto Pio, Kinuta sempena program Pre-Ziarah Pengharapan pada November 30, 2024.